



MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI JOHOR
TINGKAT 5, BLOK B, PUSAT ISLAM ISKANDAR JOHOR
JALAN MASJID ABU BAKAR
80990 JOHOR BAHRU

Permohonan adalah dipelawa kepada warganegara Malaysia khususnya kepada rakyat Negeri Johor Darul Ta'zim yang berkelayakan dan berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan Personel MyStep di bawah inisiatif *Short-Term Employment Programme* (MyStep) berikut di Majlis Agama Islam Negeri Johor.

1. BUTIRAN JAWATAN

1.1	Jawatan	:	Personel MyStep
1.2	Taraf Jawatan	:	Kontrak (Personel MyStep)
1.3	Kelulusan	:	Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)
1.4	Kekosongan	:	Empat Belas (14)
1.5	Tempat	:	Ibu Pejabat, Majlis Agama Islam Negeri Johor
1.6	Kadar Upah	:	RM1,600.00 sebulan
1.7	Kemudahan	:	Cuti Rehat, Cuti Sakit, KWSP dan PERKESO

2. SYARAT LANTIKAN

Calon-calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (i) Bagi semua jawatan, calon hendaklah beragama **Islam**
- (ii) **WARGANEGARA MALAYSIA** (Keutamaan kepada warga Negeri Johor sahaja)
- (ii) Berumur:-
 - (a) Tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan bagi lantikan kali pertama dalam Kerajaan; dan
 - i. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; atau
 - ii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya; atau
 - iii. Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

3. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU:

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya **Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

4. SYARAT KRITERIA TAMBAHAN:-

Keutamaan diberikan kepada calon yang memiliki pengetahuan dan kemahiran serta ciri-ciri seperti berikut:-

- (i) Berkemahiran dalam aplikasi Microsoft Office dan media sosial;
- (ii) Sihat tubuh badan dan tidak mempunyai sebarang masalah kesihatan;
- (iii) Mempunyai kemahiran dan tahap bakat, kebolehan dan daya kreativiti dalam bidang seni foto, kamera filem atau seni lukis;
- (iv) Telah menerima suntikan vaksin Covid-19

5. DESKRIPSI TUGAS

Bertanggungjawab melaksanakan tugas-tugas perkeranian dan operasi di peringkat Kumpulan Pelaksana yang merangkumi aspek perkeranian dan operasi (termasuk, tetapi tidak terhad kepada, tugas-tugas am, pengurusan personel, perkhidmatan kaunter dan pemprosesan, pengumpulan data dan maklumat, pengendalian peralatan perhubungan/komunikasi).

6. PENAKLUKAN DIBAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN

Pegawai – pegawai yang memasuki Skim Perkhidmatan yang berkenaan adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan tersebut yang berkuatkuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa kemasa.

7. TARIKH TUTUP IKLAN

Tarikh tutup permohonan adalah sebelum atau pada **07 JUN 2022**. Permohonan yang tidak lengkap dan lewat diterima daripada tarikh yang dinyatakan tidak akan dipertimbangkan.

8. CARA PERMOHONAN

- (a) Semua permohonan jawatan kosong yang ditawarkan di Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) hendaklah dibuat secara online dengan menggunakan laman sesawang yang telah disediakan oleh pihak MAINJ iaitu <http://jawatan.johor.gov.my>

Sila pastikan anda login/register dan mengisi semua maklumat diri anda dengan lengkap dan tepat bagi memastikan permohonan anda diterima dan dinilai sebaiknya oleh majikan.

Adalah dimaklumkan bahawa, semua pemohon pekerjaan dalam sistem permohonan jawatan kontrak dinasihatkan agar mengemaskini maklumat nombor telefon dan emel bagi melancarkan urusan hebahan panggilan temu duga. Kesilapan mengisi maklumat tersebut akan menyebabkan hebahan panggilan temu duga tidak dapat diterima oleh calon.

9. NOTA/CATATAN AM :

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan dan didapati sesuai sahaja yang akan dipanggil/ dihubungi untuk temuduga.
- (b) Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka **TIDAK BERJAYA**.
- (c) Segala perbelanjaan kerana menghadiri temuduga adalah tanggungjawab pemohon sendiri.



**Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor**

Tarikh : 01 Jun 2022
Rujukan : MAIJ 1/45 Jld 3